

4 FEB 1996
EAEC-Kenyataan
EAEC HAMPIR JADI KENYATAAN

Oleh: Michael Raj

PHUKET, 4 Feb (Bernama) -- Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dilihat menjadi kenyataan semasa Menteri Luar dari sepuluh negara yang bakal menganggotainya bertemu di sini untuk membuat persiapan sebelum rundingan mereka dengan Eropah bulan depan.

Semasa satu mesyuarat tidak rasmi Sabtu lepas, mereka mencapai persetujuan mengenai agenda yang akan dibincangkan oleh para pemimpin mereka dengan para pemimpin Eropah pada Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Bangkok pada 1 dan 2 Mac ini.

Para pegawai kanan yang bermesyuarat di pulau peranginan ini untuk berbincang mengenai persiapan Asem berkata sungguhpun sesetengah negara enggan mengakuinya, EAEC akan menjadi kenyataan dan akan memberi faedah kepada semua.

Mesyuarat persiapan untuk Asem di Phuket itu tanpa ragu-ragu lagi telah menawarkan satu platform kepada negara-negara yang bakal anggotanya untuk bertemu selain menjadi tempat untuk mereka berbincang dengan negara-negara Eropah, kata seorang diplomat Asean kepada Bernama.

Di samping tujuh negara Asean, negara lain yang berkemungkinan menganggotai EAEC ialah China, Jepun dan Korea Selatan. Sikap Jepun yang berbelah bagi untuk menyertainya kerana takutkan tindak balas Amerika Syarikat telah melewati pembentukan EAEC.

Amerika Syarikat menentang EAEC kerana ia tidak dibenarkan menyertainya, dengan mendakwa badan rundingan itu menggalakkan perlindungan perdagangan. Malaysia sebaliknya mencadangkan bahawa badan itu bersifat sebagai sebuah forum longgar di kalangan negara-negara Asia Timur bagi membincangkan isu-isu bersama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa EAEC akan mempunyai peranan tersendiri dalam memastikan negara-negara di rantau ini bekerjasama ke arah kemakmuran bersama sambil menjadi satu alat untuk mengeratkan hubungan ekonomi di kalangan mereka.

Dalam usahanya untuk menjelaskan tujuan penubuhan badan berkenaan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata ia akan meningkatkan penyatuan ekonomi serantau sambil menggalakkan multilateralisme.

Diplomat Asean itu juga berkata, perbincangan di kalangan negara-negara Asean di sini, Jepun, bersama-sama China dan Korea Selatan telah digesa supaya memainkan peranan aktif pada sidang kemuncaknya tahun lepas untuk memajukan kawasan Mekong.

Jika mereka berbuat demikian, ia sekali lagi akan menjadi satu platform untuk mereka bekerjasama dengan negara-negara yang berkemungkinan menjadi anggota EAEC.

Beliau berkata, nama singkatan yang akan digunakan untuk rundingan berkenaan tidak penting dan jika mereka ingin menggunakan nama selain EAEC, mereka boleh berbuat demikian kerana apa yang penting ialah negara-negara Asia Timur mempunyai satu platform untuk membincangkan isu-isu ekonomi.

Itulah yang dilakukan pada mesyuarat tidak rasmi Menteri Luar Asia di Phuket dan tidak ada sebab mengapa hubungan kerja itu tidak dapat diteruskan dan evolusi EAEC kian mendapat momentum, katanya.

Sungguhpun kewujudannya masih belum rasmi, EAEC telah menjadi kenyataan secara tidak rasmi untuk satu tujuan yang penting iaitu mencari pendirian bersama dalam rundingan untuk meningkatkan hubungan ekonomi dengan Eropah, kata beliau.

"Kewujudan EAEC tidak dapat dinafikan lagi," kata beliau. -- BERNAMA.